



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP PERAKAUNAN
KOD KURSUS : DSM1033
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (50 Markah)


2. Jawab **SEMUA** soalan.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap soalan di muka surat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN, BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Siapakah bapa perakaunan yang bertanggungjawab membentuk asas perakaunan yang masih diamalkan sehingga kini?
 - A Ali Gatie
 - B Luca Pacioli
 - C Adam Lambert
 - D Jesse McCartney

2. Apakah maksud perakaunan?
 - A Proses mengumpul urus niaga daripada dokumen sumber.
 - B Proses merekod urus niaga dalam dua atau lebih akaun yang berbeza.
 - C Proses merekod secara teratur dan sistematik mengikut sistem catatan bergu.
 - D Proses mengenal pasti, merekod, mentafsir, menganalisis, melaporkan, merancang dan mengawal urus niaga dan kewangan perniagaan.

3. Pernyataan di bawah berkaitan dengan satu prinsip dalam perakaunan.

Sesebuah perniagaan dianggap satu unit tersendiri dan terpisah dengan pemiliknya

Penyataan 1

Apakah prinsip perakaunan tersebut?

- A Materialiti.
- B Entiti berasingan.
- C Usaha berterusan.
- D Tempoh perakaunan.

4. Antara berikut yang manakah benar tentang perkongsian?
- A Minimum 2 orang ahli dan maksimum tiada had.
 - B Pemilikan saham terhad kepada individu tertentu.
 - C Orang awam boleh mengakses penyata kewangan.
 - D Keuntungan dibahagikan kepada pekongsi mengikut perjanjian.
5. Manakah keseimbangan elemen persamaan perakaunan yang betul?
- A Belanja = Aset + Hasil + Ekuiti Pemilik + Liabiliti.
 - B Aset = Belanja + Hasil + Ekuiti Pemilik + Liabiliti.
 - C Belanja + Aset + Hasil = Ekuiti Pemilik + Liabiliti.
 - D Aset + Belanja = Hasil + Ekuiti Pemilik + Liabiliti.
6. Berikut merupakan tujuan penyata penyesuaian bank disediakan **kecuali**
- A Menyesuaikan baki di buku tunai dengan baki di penyata bank.
 - B Memastikan ketepatan dan kesahihan rekod dalam buku tunai.
 - C Mengenalpasti sebab perbezaan baki di buku tunai dan di penyata bank.
 - D Menganalisis dan mentafsir maklumat kewangan kepada pengguna maklumat perakaunan.
7. Pada 1 Jun 2019, Amirul telah memulakan perniagaan dengan memasukkan tunai ke bank sebanyak RM38,000. Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Bank	Modal
B	Tunai	Modal
C	Bank	Tunai
D	Modal	Bank

8. Kumpulan item yang manakah merupakan liabiliti semasa?
- A Bank, tunai, belanja terdahulu, hasil terakru.
 - B Pemiutang, overdraf bank, belanja terdahulu, hasil terakru.
 - C Pemiutang, overdraf bank, belanja terakru, hasil terdahulu.
 - D Hasil komisen terakru, belanja iklan terdahulu, penghutang.
9. Berikut merupakan formula nisbah kewangan.

$$\text{Nisbah X} = \frac{\text{Aset semasa} - \text{Inventori}}{\text{Liabiliti semasa}}$$

Apakah Nisbah X tersebut?

- A Nisbah Semasa.
 - B Nisbah Aset Cepat.
 - C Nisbah Pusing Ganti Aset.
 - D Nisbah Tempoh Purata Kutipan.
10. Antara berikut, yang manakah tidak benar tentang buku tunai?
- A Merekod urus niaga tunai dan bank.
 - B Dapat menambahkan catatan dalam lejar.
 - C Pemilik perniagaan mudah mengawal tunai perniagaan.
 - D Sukar untuk membuat rujukan bagi Akaun Tunai dan Akaun Bank.

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Huraikan **satu(1)** pengguna dalaman dan **satu(1)** pengguna luaran maklumat perakaunan. (4 markah)
- b. Bezakan **tiga(3)** ciri milikan tunggal dan perkongsian. (6 markah)
- c. Berikut menunjukkan urus niaga bagi Perniagaan Adeebah:
- i. Memulakan perniagaan dengan bangunan.
 - ii. Beli kenderaan secara kredit dari CID Bank.
 - iii. Beli barang niaga daripada Kain Cun secara kredit.
 - iv. Jualan tunai kepada Ahmad.
 - v. Menerima komisen dengan cek.

Lengkapkan urus niaga tersebut mengikut format persamaan perakaunan di bawah, menggunakan contoh seperti yang diberi:

Contoh: Bayar sewa premis secara tunai.

Aset	Belanja	Liabiliti	Ekuiti Pemilik	Hasil
Tunai	Sewa			

(5 markah)

SOALAN 2

a. Berikan definisi imbangan duga serta fungsinya.

(4 markah)

b. Senaraikan **empat(4)** jenis pelarasan pada hari imbangan.

(2 markah)

c. Bezakan nota debit dan nota kredit berserta nama akaun transaksi.

(4 markah)

SOALAN 3

a. Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi transaksi di bawah ini.

Transaksi		Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
Contoh	Deposit tunai ke dalam akaun bank RM100.	Bank	Tunai
i.	Memulakan perniagaan dengan tunai RM10,000.		
ii.	Beli mesin jahit RM2,500 secara kredit daripada Santesh Sew.		
iii.	Pemilik membawa keluar tunai RM100 untuk yuran kelas tambahan anak.		
iv.	Jualan barang niaga kepada Ranie secara tunai.		
v.	Bayar utiliti secara tunai RM1,200.		

(5 markah)

- b. Berikut menunjukkan Imbangan Duga pada 30 Jun 2019 bagi Adam Faris Enterprise.

Adam Faris Enterprise
Imbangan Duga pada 30 Jun 2019

BUTIRAN	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
Tunai		3,200
Bank		16,800
Belian	8,530	
Pemiutang - Pembekal Mastura		6,600
Ambilan	650	
Jualan	3,940	
Pulangan Belian/Keluar	1,300	
Dividen		310
Gaji Pekerja		2,200
Penghutang - Hilmi		3,120
Sewa Premis		650
Modal	?	?
	X	Y

Terdapat kesalahan rekod pada Imbangan Duga di atas. Anda dikehendaki untuk menyediakan Imbangan Duga yang betul dan mencari jumlah modal yang dilaburkan berserta angka imbangan bagi X dan Y.

(10 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Berikut merupakan penyata kewangan bagi Perniagaan Teraju Selayang

Perniagaan Teraju Selayang		
Penyata Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018		
	RM	RM
Jualan		250,600
Tolak: Kos jualan		
Inventori awal	26,400	
Belian	59,400	
	85,800	
Tolak: Inventori akhir	(24,100)	
Kos jualan		61,700
Untung Kasar		188,900
Tolak: Belanja		
Utiliti	5,600	
Gaji	13,200	
Susut nilai	12,000	
		(30,800)
Untung bersih		158,100

Perniagaan Teraju Selayang
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018

	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Aset Bukan Semasa			
Bangunan	250,000	(25,000)	225,000
Mesin	50,000	(5,000)	45,000
Perabot	12,000	(1,200)	10,800
			<u>280,800</u>
Aset Semasa			
Inventori akhir		24,100	
Tunai		25,100	
Bank		91,354	
Penghutang		12,400	152,954
			<u>433,754</u>
<i>Dibiayai oleh:</i>			
Ekuiti Pemilik			
Modal		200,000	
(+) Untung bersih		158,100	
		<u>358,100</u>	
(-) Ambilan		(6,400)	351,700
			<u>351,700</u>
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman Bank			50,000
Liabiliti Semasa			
Pemiutang		30,054	
Belanja terakru		2,000	
			<u>32,054</u>
			<u>433,754</u>

Berdasarkan penyata kewangan di atas, kirakan nisbah kewangan berikut:

- a. Nisbah aset cepat. (3 markah)
- b. Modal kerja bersih. (2 markah)
- c. Margin untung kasar. (4 markah)

SOALAN 2

Berikut merupakan Imbangan Duga Maryam Hassim Enterprise pada 31 Disember 2018.

Maryam Hassim Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Disember 2018

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Jualan		155,220
Belian	67,100	
Pulangan jualan	1200	
Diskaun diberi	850	
Inventori pada 1 Januari 2018	15,170	
Gaji pekerja	22,000	
Komisyen		3,000
Pinjaman Bank		150,000
Modal		50,000
Ambilan	20,000	
Penghutang	8,500	
Bangunan	120,000	
Bank	103,400	
	<u>358,220</u>	<u>358,220</u>

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

1. Inventori pada 31 Disember 2018 bernilai RM9,320.
2. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% ke atas penghutang.
3. Belanja gaji pekerja bulan Disember masih belum dibayar.
4. Komisyen telah terlebih terima sebanyak RM1,500 bagi tahun hadapan.
5. Pemilik membawa masuk kenderaan bernilai RM35,000
6. Susut nilai aset adalah sebanyak 10% ke atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Catatan jurnal pelarasan. (9 markah)
- b. Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. (8 markah)
- c. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018. (8 markah)

SOALAN 3

Berikut merupakan ringkasan sebahagian buku tunai (baki bank) dan penyata bank bagi Aidil Enterprise untuk bulan Jun 2019.

BukuTunai (ruangan bank)

2019	RM	2019	RM
Jun-		Jun-	
01 Baki b/b	21,200	06 AinAwie Trading	10040 500
8 Julie Enterprise BT001	600	13 Sewa premis	10041 800
9 Memey Bhd BT002	5,661	17 Utiliti	10042 650
17 Jana Enterprise BT003	3,620	20 Aina Bhd	10043 2,510
28 Afifah Trading BT004	1,490	25 NadHazel Enterprise	10044 3,400
		28 EikaSyahif Trading	10045 1,400
		30 Baki h/b	23,311
	<u>32,571</u>		<u>32,571</u>

Penyata Bank bagi bulan berakhir Jun 2019

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2018			RM	RM	RM
Jun-01	Baki b/b				21,200
8	Deposit	BT001		600	21,800
9	Cek	10040	500		21,300
10	Deposit	BT002		5,616	26,916
11	Pindahan kredit		1,200		25,716
18	Cek	10041	800		24,916
19	Cek	10042	650		24,266
20	Deposit	BT003		3,620	27,886
22	Arahan Tetap		320		27,566
29	Cek	10046	890		26,676
30	Pindahan kredit			580	27,256
30	Caj bank		150		27,106

Maklumat tambahan:

- Cek bernombor 10046 yang diterima daripada Atiq masih belum direkodkan di dalam Buku Tunai.
- Amaun yang diterima dari Memey berjumlah RM5,661 telah tersalah rekod oleh pihak bank sebagai RM5,616.

Dikehendaki:

- a. Sediakan buku tunai terlaras bagi bulan Jun 2019.

(8 markah)

- b. Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2019.

(8 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

